

Amalan sebagai bukti cintakan bahasa belum cukup

UUM/AA60/UM/15.01.1988/N.P 5 repo

"CINTAILAH Bahasa Kita", begitulah bunyinya slogan yang berupa pujukan atau rayuan kepada rakyat Malaysia. Timbulnya rayuan demikian adalah tidak lain tidak bukan, kerana sehingga kini amalan kita sendiri tidak membuktikan bahawa kita mempunyai perasaan megah dan cinta terhadap bahasa kebangsaan kita sendiri.

Sekarang ini bahasa Malaysia hanya digunakan secara keseluruhan oleh mereka yang tidak tahu berbahasa lain dan oleh mereka yang terpaksa menggunakannya misalnya di dalam persuratan di jabatan - jabatan kerajaan.

Tetapi di dalam pertuturan walaupun di jabatan kerajaan kegunaan bahasa Malaysia belum sampai kepada tahap yang boleh dikatakan rakyat Malaysia telah berbangga dan cinta kepada bahasa mereka sendiri.

Bukti sikap begini terhadap bahasa Malaysia terdapat di mana - mana. Di jabatan - jabatan kerajaan di kalangan kakitangan Melayu sendiri-pun, misalnya, perbincangan di dalam mesyuarat sering diselang - seli dengan perkataan dan ayat Inggeris walaupun sesuatu pendapat itu boleh juga disampaikan melalui bahasa Malaysia.

Hal ini berlaku boleh dikatakan di setiap mesyuarat dari yang sekecil - kecil termasuklah yang terbesar seperti di peringkat kementerian.

Buat masa ini bahasa Malaysia tidak dikaitkan dengan darjat iaitu tidak dipandang tinggi, oleh itulah tidak begitu dibanggakan. Misalnya di kedai buku yang besar - besar di mana terdapat buku bahasa Inggeris dan buku bahasa Malaysia, buku bahasa Malaysia diletak di belakang sekali.

Di tempat - tempat yang dikaitkan dengan darjat seperti di hotel besar - besar, pelayan - pelayan menegur pelanggan di dalam bahasa Inggeris walaupun jelas pelanggan itu orang Melayu atau orang Malaysia dan pelayan itu sendiri orang Melayu atau orang Malaysia.

Begitu juga di dalam kapalterbang MAS termasuk penerbangan dalam negeri apatah lagi penerbangan antarabangsa, pramugara dan pramugari menegur dan menyoal penumpang di dalam bahasa Inggeris dahulu. Sekarang ini pengumuman telah dibuat di dalam bahasa Malaysia. Keaduan ini lebih baik daripada dahulu di mana pengumuman dibuat di dalam bahasa Inggeris sahaja.

Keutamaan diberi juga kepada suratkhabar Inggeris, penumpang ditawarkan suratkhabar Inggeris dahulu. Jika dipinta suratkhabar berbahasa Malaysia, barulah pramugari memberinya jika ada

Oleh Shaari Isa, UUM

bersamanya. Jika tidak ada bersamanya, suratkhabar berbahasa Malaysia akan dibawahnya kemudian jika pun ada. Jika tidak ada terpaksa penumpang berpusu hati dengan suratkhabar berbahasa Inggeris.

Hal ini berlainan sekali dengan perkhidmatan di dalam kapalterbang JAL, misalnya di mana suratkhabar Jepun diutamakan dan anak - anak kapal menegur dan menyoal penumpang di dalam bahasa Jepun dahulu, dan bahasa Inggeris kemudian setelah jelas penumpang itu tidak boleh berbahasa Jepun.

Di hotel besar - besar di Malaysia hanya suratkhabar Inggeris sahaja yang diberikan. Pelanggan tidak pun disoal suratkhabar apa yang dikedendakinya. Setiap pagi sebuah suratkhabar Inggeris walaupun ditolak masuk ke dalam bilik pelanggan walaupun bagi pelanggan tidak tahu membaca bahasa Inggeris.

Kesalahan seratus peratus tidak boleh ditujukan kepada pihak MAS dan hotel besar - besar semata - mata terhadap keutamaan yang telah diberi terhadap suratkhabar Inggeris. Ramai orang Melayu sendiri di kalangan yang berpelajaran masih mengutamakan suratkhabar Inggeris daripada suratkhabar berbahasa Malaysia.

Di dalam kapalterbang apabila disoal, suratkhabar yang dinyatakan dahulu oleh pelanggan ialah suratkhabar Inggeris. Dari kebiasaan, mereka telah ketinggalan zaman dan tidak menyedari bahawa dari segi isi dan liputan suratkhabar bahasa Malaysia tidak sedikitpun mempunyai kekurangan daripada suratkhabar bahasa Inggeris.

Dari kebiasaan dan prasangka, mereka membaca suratkhabar Inggeris dahulu kemudian barulah diikuti dengan suratkhabar bahasa Malaysia. Dengan demikian mereka berperasaan seolah - olah berita di dalam suratkhabar bahasa Malaysia itu tidak lagi 'segar'.

Sudah sampai masanya bagi mereka membaca suratkhabar bahasa Malaysia dahulu. Mereka akan terperanjat apabila terdapat berita - berita yang penting yang terdapat di dalam suratkhabar Inggeris sudahpun dibaca di dalam suratkhabar bahasa Malaysia.

Kempen terhadap bahasa Malaysia sekarang ini hendaklah menyedarkan semua rakyat Malaysia

tentang pentingnya mereka berubah haluan dari apa juga bahasa yang mereka utamakan sekarang ini kepada bahasa Malaysia. Orang Melayu hendaklah mengambil langkah pertama untuk menunjukkan kebanggaan terhadap bahasa Malaysia melalui amalan mereka sendiri sebelum mengharap - kan sikap yang positif terhadap bahasa Malaysia di kalangan orang bukan Melayu.

Orang bukan Melayu pula hendaklah menyedari bahawa masa depan negara besar bergantung kepada perpaduan dan rukun pertama ke arah perpaduan ialah hubungan yang rapat antara kaum. Hendaklah mereka sedar bahawa perpaduan adalah keperluan untuk kehidupan bangsa dan negara dan perpaduan hendaklah mengatasi sebarang perasaan terhadap kebudayaan kaum yang jika dibandingkan dengan perpaduan, kebudayaan kaum berupa suatu kemewahan sahaja.

Perpaduan tidak akan tercapai di dalam masyarakat Malaysia yang terdiri dari kelompok bahasa Melayu, Hokien, Kantonis, Bajau, Kadazan, Dayak, Mandarin, Tamil, Sikh dan lain - lain.

Oleh itu pentinglah bagi orang bukan Melayu mengambil langkah yang positif terhadap bahasa Malaysia untuk kepentingan masa depan negara. Orang Cina dari utara semenanjung yang berbahasa ibunda Hokien misalnya tidak perlu bersusah payah belajar bahasa Kantonis atau Mandarin untuk membolehkan mereka bertutur dengan orang Cina lain di Selatan Semenanjung.

Kenapa tidak mereka bertutur dalam bahasa Malaysia sahaja dengan anak Malaysia yang lain tidak kira kaum, di mana sahaja mereka berada di dalam dan di luar negeri?

Adalah dikuatiri melalui media massa yang ada sekarang ini, kempen cintai bahasa ini dapat sampai kepada orang Melayu dan kepada segelintir orang bukan Melayu sahaja.

Walaupun bagaimanapun, kita mengharapkan kempen cintailah bahasa kita sekarang ini tidak menjadi sia - sia tetapi akan membuat kita dari semua kaum melihat bahasa Malaysia suatu hari nanti menjadi sebagai bahasa Thai di Thailand, bahasa Indonesia di Indonesia dan bahasa Inggeris di Amerika iaitu sebagai bahasa perantaraan sesama kaum dan antara kaum.

Jika kita gagal bergerak ke arah ini, maka tidak ada bukti yang kita betul - betul berbangga dan cintai bahasa Malaysia. Jika kita gagal di dalam hal bahasa, perpaduan akan gagal dan Malaysia akan gagal.